

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
16 MEI 2025**

PERKARA : 5(B)20

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN SEBERANG JAYA
YB IZHAR SHAH BIN DATUK ARIF SHAH**

20. Apakah keberkesanan pelaksanaan Beras Cap Feri sejak bulan Disember 2024 dan sejauh manakah ia menampung keperluan isi rumah B40 Pulau Pinang?
- (a) Berapakah jumlah kampil Beras Cap Feri yang telah diedar dan terjual?
 - (b) Apakah indikator kejayaan program ini dan adakah laporan pemantauan awam disediakan?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Beras Cap Feri mula dilancarkan pada 19 Disember 2024. Beras jenama ini dijual di seluruh Negeri Pulau Pinang melalui pusat jualan yang mudah diakses oleh golongan isi rumah B40 seperti yang berikut:
- (i) Pusat Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA);

- (ii) Karnival Jualan Agro MADANI FAMA dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) yang disertai oleh jabatan/agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM);
 - (iii) Kedai Peladang di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK); dan
 - (iv) Kedai Runcit Mohamed Meera Sahib di Jalan Penang.
-
- (a) Sehingga 20 Mac 2025, jumlah pengeluaran adalah sebanyak 16,000 kampil (80 tan metrik) dengan nilai jualan adalah berjumlah RM272,000.00.
 - (b) Beras Cap Feri mendapat sambutan yang baik daripada rakyat Negeri Pulau Pinang kerana harga runcit Beras Cap Feri yang dijual bagi kampil 5 kilogram adalah antara harga yang murah di pasaran berbanding jenama lain iaitu RM17.00 per kampil. Pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang akan membentangkan laporan jualan secara berkala melalui

Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Beras Cap Feri yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi.

Pengewujudan Beras Cap Feri adalah bagi menampung keperluan beras yang menawarkan harga terendah serta berkualiti terutamanya kepada golongan B40 di negeri ini. Beras Cap Feri mula dijual pada Disember 2024 dan masih lagi dalam tempoh percubaan dengan menggunakan beras import bagi menampung kekurangan bekalan beras tempatan.

Setakat April 2025, jualan Beras Cap Feri direkodkan sebanyak 16,000 kampak dengan harga RM16.00 untuk 5 kilogram iaitu termurah di pasaran. Jualan Beras Cap Feri hanya dijual melalui Jualan Agro MADANI yang dianjurkan oleh FAMA, LPP dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sahaja bagi menjamin jualan terus kepada golongan sasaran B40.

Indikator kejayaan pelancaran Beras Cap Feri ini diukur melalui penjualannya di setiap program Jualan Agro MADANI di mana setiap lokasi Jualan Agro MADANI agensi penganjur akan menyediakan

sekurang-kurangnya 500 karpit untuk satu-satu kawasan. Setakat April 2025, sebanyak 32 program Jualan Agro MADANI di 32 lokasi berbeza di seluruh negeri telah diadakan. Di semua lokasi ini, Beras Cap Feri merupakan produk tumpuan utama jualan di mana jualannya hanya mengambil masa 2 jam sahaja untuk dihabiskan.

Walau bagaimanapun, tiada pemantauan awam ataupun sebarang "survey" dilakukan memandangkan Kerajaan Negeri mempunyai kekangan dari segi kewangan untuk dilaksanakan. Akan tetapi, pada masa hadapan jika terdapat keperluan pihak Kerajaan Negeri akan berusaha untuk melaksanakannya.